

BUKU PANDUAN

Pelatih

ZABSI TRAINING ACADEMY SDN BHD

202101014705 (1415005-P)

PT 15975 & PT 15976, Tingkat Atas,

Jalan Air Putih, 24000 Kemaman,

Terengganu Darul Iman

Tel: 09-859 2095 | Fax: 09-858 1096

Emel: training@zabsi.com



EDISI PERTAMA 2024®

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada halaman buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada ZABSI Training Academy Sdn Bhd terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh:

ZABSI Training Academy Sdn Bhd
202101014705 (1415005-P)
PT 15975 & PT 15976, Tingkat Atas,
Jalan Air Putih, 24000 Kemaman,
Terengganu Darul Iman

ISI KANDUNGAN

Kandungan

	Muka surat
Kata Aluan Pengarah Urusan	2
Sejarah Penubuhan	3
Konsep Penubuhan	4
Visi dan Misi	4
Matlamat Organisasi	4
Matlamat Latihan Kursus	5
Kelebihan menjalani Latihan di ZABSI Training Academy	5
Syarat-Syarat Kemasukan	5
Maklum Balas Tawaran	6
Barang yang dilarang dimiliki/ dibawa	6
Etika Pemakaian	6
Kemudahan Asrama	7
Senarai Kesalahan dan Tindakan/Hukuman	8
Hari Pendaftaran	9
Senarai Dokumen Hari Pendaftaran	9
Panduan Pendaftaran Pelatih	10
Struktur Yuran Kursus	11
Pembayaran Yuran Kursus	12-13
Tempoh Latihan	13
Kelayakan menjalani Latihan dalam Kerja (OJT)	14
Lain-lain	15

KATA ALUAN PENGARAH URUSAN

Sekapur Sirih Seulas Pinang

Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh

Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T yang Maha Penyayang kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, Pusat Latihan ZABSI Training Academy Sdn Bhd dapat direalisasi dan ditubuhkan.

Saya berbangga di atas segala usaha dari semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penubuhan pusat latihan ini. Ini merupakan satu kejayaan yang besar ertiannya kepada para generasi akan datang.

Sekalung tahniah dan selamat datang kepada pelatih-pelatih kerana telah berjaya meneruskan latihan kerjaya di pusat latihan ini sekaligus mendokong cita-cita anda untuk terus berjaya di masa hadapan. Ucapan terima kasih juga sebagai tanda penghargaan kerana telah memilih ZABSI Training Academy Sdn Bhd sebagai pusat latihan untuk melanjutkan latihan kemahiran atau TVET. Suka untuk saya tekankan, bahawa anda merupakan permata yang terpilih di antara ribuan kalangan pemohon untuk mengikuti kursus-kursus di sini. Manfaatkanlah sepenuhnya peluang ini dan sahutlah cabaran untuk terus berdaya saing di era globalisasi ini.

Sekian, Wassalam.



IR. TS. HJ. MOHD ZAINUDIN BIN A BAKAR
Pengarah Urusan
ZABSI Training Academy Sdn Bhd

Semoga Maju Jaya

SEJARAH PENUBUHAN

ZABSI Training Academy Sdn Bhd telah ditubuhkan pada 20 April 2021 dan telah didaftarkan sebagai Pusat Latihan Bertauliah di bawah *Malaysian Board of Technologist (MBOT)*. Kami juga mempunyai sijil yang diiktirafkan oleh Kementerian Kewangan (MOF) Malaysia bagi penyediaan perkhidmatan/ tenaga kerja/ perkhidmatan Latihan/ jurulatih dan moderator/ perundingan (221110)

ZABSI Training Academy Sdn Bhd adalah sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan akademi bagi latihan teknikal, latihan profesional, industri & pendidikan. Perniagaan ini menyediakan pusat latihan, perkhidmatan latihan, penceramah, peralatan dan bahan yang berkaitan dengan keperluan akademi latihan.

Selain itu, kami menjalankan perniagaan pengurusan, perunding perniagaan, memberi khidmat nasihat dalam organisasi pentadbiran dan latihan kakitangan serta membuat cadangan mengenai cara atau kaedah untuk memperluas, membangun dan memperbaiki semua jenis perniagaan, sistem atau proses termasuk berkenaan dengan pendidikan dan latihan serta menyediakan perkhidmatan penyampaian dan menjalankan tutorial, kuliah, kelas, seminar serta persidangan secara langsung atau tidak langsung bagi setiap kursus pendidikan dan latihan.

KONSEP PENUBUHAN

Seiring dengan perkembangan pesat industri Petroleum, Minyak dan Gas, Lepas-Pantai, Pelabuhan dan Hospitaliti, diharap dengan penubuhan sebuah pusat latihan sebegini, dapat memberi kemahiran dan penilaian keterampilan kepada tenaga kerja pada masa kini. Kewujudan syarikat juga adalah untuk menyokong penguatkuasaan Akta kualiti Alam Sekeliling 1974.

Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih 2014).



VISI DAN MISI

Vision : A leading World Class Company in Industial Training and Education Services

Mission :

1. *To contribute to the development and well-being of the Ummah.*
2. *To cultivate HSE policy in every company operation, life and enviroment.*
3. *To develop ongoing resources and expertise based on the latest technology.*
4. *To provide reliable and quality services.*
5. *To collaborate with stakeholders.*

MATLAMAT ORGANISASI

Empowering Skills, Transforming Futures.

MATLAMAT LATIHAN KURSUS

1. Menghasilkan graduan TVET yang diyakini dan menjadi rebutan majikan untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.
2. Mengukuhkan kerelevan dan keresponsifan program di pusat latihan untuk memenuhi keperluan industri.
3. Melahirkan warga sejagat ke arah keharmonian serta kemakmuran global.

KELEBIHAN MENJALANI LATIHAN DI ZABSI TRAINING ACADEMY SDN BHD

1. Berhampiran dengan kawasan insdutri petro-kimia, pelabuhan dan lepas pantai.
2. Penggunaan bahan & kawasan industri sebagai tempat latihan informal.
3. Tenaga profesional yang sedia ada di dalam industri dapat digunakan.
4. Gabungan anak syarikat yang terlibat secara langsung dalam industri.
5. Penawaran kursus nilai tambah bagi meningkatkan kebolehpasaran para pelatih.
6. Kaedah pembelajaran selama dua (2) bulan teori dan amali di bengkel manakala satu (1) bulan Latihan dalam Kerja (OJT).
7. Kemudahan asrama disediakan.
8. Perlindungan insurans berkelompok kepada setiap pelatih dan ini adalah tertakluk kepada termasuk syarat yang ditetapkan.

SYARAT-SYARAT KEMASUKAN

1. **Lelaki** berumur 18 – 35 tahun serta sihat tubuh badan.
2. Boleh **membaca, menulis dan mengira**.
3. **Mampu** dari segi kewangan.
4. Mempunyai **minat** dalam bidang yang diceburinya.

MAKLUM BALAS TAWARAN

- I. Sila beri maklumbalas sama ada menerima atau menolak tawaran ini dalam tempoh yang ditetapkan dengan menggunakan link yang disediakan.

Link pengesahan kemasukan seperti berikut :

<http://gg.gg/BorangPengesahanKemasukan>

2. Sekiranya pihak ZABSI Training Academy Sdn Bhd **tidak menerima sebarang jawapan** selepas daripada tempoh yang ditetapkan, tawaran kemasukan ini **akan terbatal secara automatik** tanpa makluman lanjut.

BARANG YANG DI LARANG DIMILIKI/ DIBAWA

1. Minuman beralkohol-Arak
2. Rokok atau vape
3. Haiwan peliharaan
4. Pisau/ Objek tajam

ETIKA PEMAKAIAN

- 
1. Semua pelatih dikehendaki mematuhi etika kod pakaian (Dress Code Guideline) yang telah ditetapkan pada setiap masa semasa berada di kampus.
 2. **Personal Protective Equipment (PPE):** Disediakan oleh pihak ZABSI Training Academy Sdn Bhd dan perlu dipakai semasa latihan bengkel dan makmal.
 3. Ketika bersukan atau riadah hendaklah berpakaian sukan yang bersesuaian.
 4. Tidak dibenarkan memakai barang perhiasan (emas dan dll)
 5. Lain-lain:
 - i. Kad pelatih perlu dipamerkan pada setiap masa.
 - ii. Mematuhi panduan keselamatan yang ditetapkan di semua bengkel dan makmal pada setiap masa.
 - iii. Rambut perlu sentiasa kemas.
 - iv. T-shirt tidak berkolar tidak dibenarkan untuk ke sebarang kelas mahupun aktiviti formal.
 - v. Selipar, flip-flop, sandal atau seumpamanya tidak dibenarkan.

KEMUDAHAN ASRAMA

1. Kemudahan asrama adalah disediakan kepada pelatih.
2. Pelatih yang tinggal di asrama boleh menggunakan kemudahan kafetaria yang terletak di kawasan asrama untuk membeli sebarang makanan dan minuman. Kos sara hidup adalah ditanggung oleh pelatih sendiri.
3. Antara barang-barang keperluan yang perlu disediakan sendiri oleh pelatih adalah:
 - Bantal, selimut, cader & sarung bantal (warna dan corak bebas)
 - Pakaian harian, barang keperluan dan kelengkapan peribadi.



SENARAI KESALAHAN DAN TINDAKAN

Kesalahan	Tindakan / Hukuman
a. Berhubungan (berzina, homoseks atau lesbian)	<ul style="list-style-type: none"> • Disingkirkan dari kursus
b. Membunuhan atau membunuhi diri dengan niat atau cubaan membunuhan dan membunuhi diri	<ul style="list-style-type: none"> • Diserahkankan kepada pihak berkuasa • Digantung kursus (maksimum dua (2) minggu dan sekiranya melibatkan kes polis, pelajar digantung sehingga siasatan selesai.
c. Terlibat dengan aktiviti dan kegiatan kongsi gelap atau seumpamanya	<ul style="list-style-type: none"> • Dikehendaki membayar gantirugi/ denda
d. Bergaduh sehingga mengakibatkan cedera parah	<ul style="list-style-type: none"> • Dimaklumkan akan kesalahan dan hukuman kepada ibu bapa pelatih terbabit (sabit kesalahan selepas diputuskan oleh lembaga disiplin)
e. Mengedar, menghisap atau menyimpan dadah	
f. Memeras ugut atau cubaan memeras ugut	
g. Mengedar, menyimpan atau minum minuman keras	
h. Mencabul atau cubaan mencabul kehormatan orang lain	
i. Gangguan seksual kepada kakitangan dan pelatih lain	
j. Membuli/ mendera/ menjatuhkan maruah orang lain	
k. Merosakkan harta benda kolej atau pihak lain dengan sengaja	
l. Merokok di dalam kawasan kolej dan kawasan yang dilarang	

HARI PENDAFTARAN

1. Sila lengkapkan dokumen kemasukan pelatih untuk penyerahan semasa hari pendaftaran.
2. Pelatih dikehendaki berpakaian kemas dan sopan semasa mendaftar. Sila patuhi etika berpakaian seperti di bawah semasa hari pendaftaran:
 - Lelaki: Kemas berbaju kemeja, berambut pendek dan kemas serta berkasut.
 - Perempuan: Baju kurung/ blouse dan seluar, rambut diikat atau berhijab kemas dan berkasut.


SENARAI DOKUMEN PADA HARI PENDAFTARAN

BIL	DOKUMEN SOKONGAN
1	Borang permohonan pelatih - tampil gambar
2	Aku Janji Pembayaran Yuran Kursus
3	Surat Pengakuan tidak terlibat dadah
4	Salinan Slip Bank Bayaran Yuran Pendaftaran (RM 600)
5	Salinan Surat Tawaran daripada MISA
6	Borang Setuju Terima Tawaran
7	Salinan Kad Pengenalan Pemohon (Disahkan)*
8	Salinan kad pengenalan ibu dan bapa atau penjaga (Disahkan)*
9	Salinan sijil kelahiran pemohon (Disahkan)*
10	Salinan sijil SPM/PMR & sijil akademik yang berkaitan (Disahkan)*
11	Salinan slip gaji terkini ibu/ bapa/ penjaga/ pemohon (1 bulan) atau pengesahan pendapatan terkini (Disahkan)*
12	Empat (4) keping gambar berukuran passport
13	Bayaran RM 3,000.00 bagi yuran kursus dibayar secara “online” ke akaun no : ZABSI Training Academy Sdn Bhd 563028642590 MAYBANK (sebelum pendaftaran atau tunai semasa pendaftaran) – bayaran minimum

*Disahkan oleh Pengetua/ Guru Besar Gred 4I dan ke atas/ Penghulu/ Jaksu Pendamai/ Ahli Parlimen/ Ahli Dewan Undangan Negeri/ Ahli Majlis Tempatan/ Pegawai Kerajaan Kumpulan A

PANDUAN PENDAFTARAN PELATIH

PROSES KEMASUKAN PELATIH BARU BAGI KURSUS PIPE GAS INSULATION (PGI)



STRUKTUR YURAN KURSUS

Nama Kursus	Insulasi Paip Gas
Kod Program	Tiada
Tahap Pengajian	Tiada
Tempoh Latihan	Tiga (3) Bulan
Mod Latihan	Sepenuh Masa
Jenis Pembiayaan / Pinjaman	Tiada

PERKARA	PRA-PENDAFTARAN	PENDAFTARAN	BULAN PERTAMA (1)	BULAN KEDUA (2)	BULAN KETIGA (3)	JUMLAH (RM)
YURAN KURSUS						
(pengajian 3 bulan kursus)	600	3,000	2,800	2,800	2,688	11,888

Nota:

1. Kadar yuran adalah di dalam Ringgit Malaysia (RM) melainkan yang dinyatakan.
2. Semua yuran adalah tertakluk kepada perubahan/ pindaan.
3. **Bayaran pendaftaran perlu diselesaikan selewat-lewat dua (2) minggu sebelum hari pendaftaran.**
4. Pembayaran bulanan perlu diselesaikan pada setiap awal bulan iaitu pada 1 – 7 haribulan.
5. Tiada sebarang pemulangan yuran yang telah dibayar oleh pelatih bagi kes diberhentikan atau tarik diri daripada kursus.

PEMBAYARAN YURAN KURSUS

I. Pembayaran melalui:

Pemilik akaun : **ZABSI Training Academy Sdn Bhd**

Bank : **Maybank**

Nombor Akaun: **5630 2864 2590**

2. Pilihan kaedah pembayaran yang dibenarkan:

No.	Kaedah pembayaran	Bukti Pembayaran
i	Perbankan atas talian (<i>online banking</i>)	Laporan transaksi bayaran
ii	Bank-in (melalui kaunter Maybank Sahaja)	Salinan slip bank-in
iii	Tunai di kaunter pejabat	Resit rasmi ZABSI Training Academy Sdn Bhd

3. Kaedah pemakluman bukti pembayaran:

No.	Kaedah Makluman Bukti Pembayaran	Nota
i	Emel (Sila pastikan lampiran dokumen adalah jelas dan boleh dibaca)	Tajuk email: PEMBAYARAN YURAN PELATIH (Nama, Ic. No dan Nama Kursus) Email: training@zabsi.com
ii	Pengesahan di pautan	Sila lengkapkan borang pengesahan di pautan berikut: http://gg.gg/BorangPengesahanBayaran

Nota penting untuk bukti pembayaran:

*Sila pastikan **nama pelatih, no. MyKad** dan **nama kursus** dicatatkan semasa menghantar bukti pembayaran bagi memudahkan proses pengesahan pelatih.

- a. Sila simpan salinan asal bukti pembayaran untuk rujukan & semakan pada hari pendaftaran.
- b. Resit rasmi pembayaran hanya akan dikeluarkan bagi pembayaran yang telah sah diterima oleh Jabatan Kewangan ZABSI Training Academy Sdn Bhd sahaja.
- c. Senarai cas tambahan (jika perlu) :

Bil.	Keterangan	Caj (RM)
1.	Kehilangan kad pelatih	10.00
2.	Cetakan semula sijil akibat kehilangan	50.00
3.	Bayaran sijil nilai tambah (ulangan)*	Mengikut harga semasa

* Bayaran ulangan ini akan dikenakan kepada pelatih yang gagal untuk hadir ke tarikh yang telah ditetapkan tanpa sebab dan alasan yang kukuh

** Tertakluk kepada sebarang pindaan

TEMPOH LATIHAN

Program	Tempoh latihan	
Insulasi Paip Gas (<i>Pipe Gas Insulation</i>)	3 bulan Dua (2) bulan teori dan amali di bengkel	Satu (1) bulan latihan dalam kerja (OJT)

KELAYAKAN MENJALANI LATIHAN DALAM KERJA (OJT)

I. Seseorang pelatih layak menjalani OJT sekiranya:

- a) Telah lulus semua kursus yang diambil.
- b) Telah menjelaskan semua tunggakkan hutang.
- c) Tidak terlibat dengan sebarang kes polis dan jika didapati terlibat, pelatih perlu menyelesaikan kes tersebut dengan segera.

2. Peraturan menjalani OJT:

- a) Pelatih haruslah menjalani OJT di syarikat yang telah ditetapkan ataupun pilihan sendiri.
- b) Pelatih mesti mematuhi segala peraturan dan tugas yang telah ditetapkan oleh syarikat.
- c) Pelatih diwajibkan melaporkan diri di syarikat pada masa yang ditetapkan dan menghantar borang pengesahan kehadiran kepada pihak pengurusan ZABSI Training Academy Sdn Bhd.
- d) Pelatih yang menukar tempat OJT tanpa makluman pihak pengurusan ZABSI Training Academy Sdn Bhd, akan dikenakan *penalty* sebanyak RM1,000.00.
- e) Pelatih yang berhenti tanpa notis dianggap gagal menjalani OJT pada ambilan berkenaan dan terpaksa mengulangi semula pada ambilan akan datang.
- f) Pelatih tidak dibenarkan untuk cuti rehat. Pelatih hanya layak untuk bercuti atas arahan syarikat sahaja.
- g) Jika cuti sakit/ kecemasan, dapatkan dokumen rasmi (sijil cuti sakit/ sijil kematian dll) dan hantar salinan ke pengurusan ZABSI Training Academy Sdn Bhd.
- h) Pelatih diwajibkan melengkapkan borang Aku Janji di ZABSI Training Academy Sdn Bhd sebelum menjalani OJT.
- i) Pelatih yang disabitkan kesalahan atau melanggar peraturan yang telah ditetapkan akan dikenakan tindakan tatatertib.

LAIN-LAIN

1. Sebarang perubahan berkaitan perkara-perkara di atas akan dimaklumkan kepada pelatih (jika ada)
2. Pelatih yang tidak berjaya menjelaskan bayaran yuran dalam tempoh yang ditetapkan tidak akan mendapat sebarang sijil yang telah dihadiri.
3. Pelatih perlu menjelaskan yuran-yuran yang terbabit bagi pendaftaran kursus yang ditawarkan berdasarkan struktur yuran yang diberikan dan melayakkan pelatih untuk menerima sijil-sijil industri yang telah dihadiri.
4. 80% kehadiran minimum pelatih bagi kelas teori dan amali dan sekiranya pelatih tidak mematuhi tanpa sebab-sebab yang dapat diterima pakai, maka pelatih akan diberikan surat amaran ketidakhadiran.
5. Pelatih yang tidak dapat menghadiri Latihan bagi sijil nilai tambah adalah menjadi tanggungjawab sendiri.





"Empowering Skills, Transforming Futures"

ZABSI TRAINING ACADEMY SDN BHD

202101014705 (1415005-P)

PT 15975 & PT 15976, Tingkat Atas,
Jalan Air Putih, 24000 Kemaman,
Terengganu Darul Iman

Tel: 09-859 2095 | Fax: 09-858 1096

Emel: training@zabsi.com